

KHUTBAH JUMAAT

“TAHUN BAHARU, ISTIQAMAH BERIBADAH”
(1 Januari 2021M/ 17 Jamadilawal 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ
خَلْقِهِ وَحَبِيبِهِ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita mendapat kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia, apatah lagi di akhirat kelak. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : “**Tahun Baharu, Istiqamah Beribadah**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tahun 2020 masihi telah pun melabuh tirainya. Tahun yang mencabar dan penuh peristiwa suka dan duka untuk dikenangi dan dijadikan teladan. Pandemik Covid-19 banyak mengajar kita erti hidup agar hampir kepada Yang Mencipta Kehidupan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kini kita melangkah memasuki tahun 2021. Perjalanan kehidupan masih jauh. Seorang yang bergelar mukmin pasti menyadari bahawa mereka akan menempuhi kehidupan alam barzakh, kemudiannya alam akhirat dan destinasi terakhir iaitu sama ada ke syurga atau neraka. Moga kita beroleh syurga yang kekal abadi dan mendapat nikmat terbesar iaitu melihat Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Al-A'la ayat 17:

وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ

Bermaksud: *Dan kehidupan di akhirat lebih baik dan kekal*

Sebagai mukmin merangkap khalifah di muka bumi ini, kita perlu merencanakan kehidupan akhirat kita dengan merancang dan melaksanakan tindakannya di dunia kerana dunia merupakan tempat pelaburan yang akan di tuai di negeri akhirat. Maka laburlah yakni melakukan amalan-amalan dengan sebaik-baiknya berdasarkan panduan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Amalan yg dilakukan dengan ikhlas mengharap redha Allah pastinya akan diberi balasan yg setimpal sama ada banyak atau sedikit dan tidak akan dikurang walaupun sedikit.

Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ
حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٦١﴾

Bermaksud: *Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.*

Saudara kaum muslimin yang berbahagia,

Sebagai mukmin yang sedar akan kehidupan akhirat yang pasti akan dilaluinya, sudah tentu akan bersiap siaga sebelum memasuki alam barzakh dengan ketaatan. Ketaatan perlu diiringi dengan muhasabah atas setiap amal yang dilakukan agar sentiasa menambah baik kekurangan yang dilakukan, disamping merasakan diri sentiasa di bawah perhatian iaitu muraqabah Allah SWT yang kasihkan makhluk-Nya yang beriman pada setiap waktu dan keadaan.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Allah *subhanahu wata'ala* memberi kelapangan dan akal fikiran kepada kita. Maka rancanglah bentuk ketaatan anda berpandukan syariat. Antaranya ialah:

Pertama : Memelihara kefardhuan terhadap diri, keluarga dan semua yang di bawah tanggungan seperti menjaga solat lima waktu, menutup aurat, membayar zakat, mencari rezeki yang halal dan sebagainya serta menanamkan cinta kepada Allah dan Rasul-Nya.

Kedua : Menambah amalan-amalan sunat seperti melakukan solat sunat rawatib, bersedekah dan sebagainya.

Ketiga : Menjaga hubungan baik sesama makhluk sama ada di rumah, tempat kerja, ketika bermuamalah iaitu berhubungan sesama manusia dalam sesuatu urusan, terhadap haiwan dan tumbuhan dan sebagainya.

Keempat : Melakukan amal jariah dalam pelbagai bentuk mengikut kemampuan seperti membantu institusi masjid, pusat kebajikan iaitu rumah anak-anak yatim, orang tua dan sebagainya, organisasi-organisasi yang membantu ummah sama ada dengan lisan, tenaga dan harta benda berbentuk wang dan sebagainya.

Kelima : Membantu institusi-institusi pendidikan seperti madrasah – madrasah pengajian agama di kawasan anda dan sebagainya.

Dan yang **Keenam** : Membantu umat Islam dalam perkara yang berkaitan dengan kepakaran anda merangkumi ekonomi, politik dan sosial.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kesimpulan yang kita boleh perolehi daripada khutbah kali ini ialah:

Pertama : Setiap insan pasti akan menempuhi alam dunia, barzakh, kemudiannya akhirat dan pengakhirannya di syurga atau neraka.

Kedua : Umat Islam hendaklah sentiasa melakukan muhasabah sebelum di hisab di akhirat dan merasakan diri sentiasa di bawah pemerhatian Allah suhanahu wata'ala.

Ketiga : Hendaklah kita merancang kehidupan akhirat kita dengan perancangan berbentuk ketaatan semasa di dunia.

Akhirnya, marilah bersama-sama kita menghayati Firman Allah subhanahu wata'ala dalam Surah al-Anbiya' ayat 1:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ مُّعْرِضُونَ ﴿١﴾

Maksudnya: Telah hampir datangnya kepada manusia hari perhitungan amalnya sedang mereka dalam kelalaian, tidak hiraukan persediaan baginya.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.